




Piawaian sebaran kotoran produk: maklumat penting untuk broker kastam



Apakah yang perlu anda tahu?

Kerajaan Australia telah memperkenalkan piawaian sebaran kotoran bagi enjin pencucuhan percikan api kecil yang baharu, yang digunakan pada peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan (misalnya mesin pemotong rumput, gergaji rantai dan penjana) dan enjin marin pencucuhan percikan api.

Hanya produk yang menepati piawaian sebaran kotoran sahaja boleh diimport masuk ke Australia.

Mulai 1 Julai 2020, hanya produk yang menepati piawaian sebaran kotoran sahaja boleh dibekalkan di Australia. Mulai tarikh ini, produk bukan jalan raya yang diperakui di Eropah dan diimport masuk ke Australia mesti menepati piawaian Peringkat V Euro.

Produk bukan jalan raya yang diperakui menepati piawaian sebaran kotoran Peringkat II Euro masih boleh dibekalkan di Australia sehingga 30 Jun 2021. Selepas itu, hanya produk yang diperakui menepati Peringkat V Euro sahaja yang boleh dibekalkan.

Produk-produk yang diliputi oleh piawaian ini disebut produk terkawal sebaran kotoran. Produk terkawal sebaran kotoran yang menggunakan enjin yang telah diperakui menepati piawaian oleh salah satu pihak berkuasa antarabangsa yang berikut dianggap mematuhi piawaian kami.

- Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (*United States Environmental Protection Agency*)
- Lembaga Sumber Udara California (*California Air Resources Board*)
- Perubahan Alam Sekitar dan Iklim Kanada (*Environment and Climate Change Canada*)
- mana-mana pihak berkuasa Kelulusan Kesatuan Eropah.

Jika produk klien anda tidak diperakui menepati salah satu piawaian antarabangsa yang diiktiraf ini, klien anda atau biasanya pengilangnya boleh memohon perakuan Australia atau pengecualianya. Pengecualian mematuhi piawaian ini hanya boleh didapati dalam beberapa keadaan yang tertentu sahaja.

Permohonan perakuan dan pengecualian boleh dibuat melalui pelantar Perkhidmatan Dalam Talian jabatan ini.

Kesalahan di bawah *Akta Piawaian Sebaran Kotoran Produk 2017* bagi produk terkawal sebaran kotoran berkait dengan pengimportan, pembekalan, pelabelan dan penyimpanan rekod. Pengimport dan pembekal bertanggungjawab memastikan bahawa mereka memenuhi keperluan piawaian sebaran kotoran ini.

Kod tarif yang terpaut pada produk ini akan mencetuskan Soalan Perlindungan Komuniti yang meminta nombor perakuan atau pengecualian dimasukkan.

Levi dikenakan terhadap produk terkawal sebaran kotoran yang diimport atau yang dikilangkan secara domestik di Australia dan levi ini akan dipungut setiap tahun daripada pengimport.

Untuk mendapatkan senarai biasa produk dan kod tarif, lihat di
www.environment.gov.au/protection/emissions-standards

Apakah yang perlu anda lakukan?

Jika klien anda mengimport produk terkawal sebaran kotoran, anda perlu memastikan klien itu memberi anda nombor perakuan atau pengecualian.

Jawab Soalan Perlindungan Komuniti yang terpaut pada salah satu kod tarif dan masukkan nombor perakuan atau pengecualian.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya atau untuk mengetahui lagi tentang piawaian sebaran kotoran produk dan peluang latihan, lihat di www.environment.gov.au/protection/emissions-standards atau hantarkan e-mel kepada kami melalui alamat productemissions@awe.gov.au

Maklumat selanjutnya

- [Broker kastam](#).

